



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

***Ministry of Agriculture and Food Industries***

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

---

**KENYATAAN MEDIA**

**KERAJAAN KOMITED MEMASTIKAN BEKALAN AYAM DAN TELUR  
DI PASARAN TERUS STABIL**

**PUTRAJAYA, 9 FEBRUARI 2022:** Jemaah Menteri pada hari ini telah bersetuju memberi subsidi kepada penternak ayam sebanyak RM0.60/kg dengan mengambil kira harga ayam hidup di peringkat ladang sebanyak RM5.90/kg dan harga runcit ayam bulat standard sebanyak RM8.90/kg. Manakala bagi telur, Jemaah Menteri juga telah bersetuju memberi subsidi sebanyak RM0.05/biji untuk semua jenis kategori.

Tujuan pemberian subsidi adalah untuk meringankan beban penternak susulan peningkatan kos terutamanya kos makanan yang meliputi 70% dari kos pengeluaran selain kos logistik, kos pekerja, kos utiliti dan kos ubat-ubatan.

Tempoh pemberian subsidi adalah mulai 5 Februari 2022 hingga 4 Jun 2022 iaitu sepanjang tempoh pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM). Anggaran keseluruhan implikasi kewangan kepada Kerajaan bagi melaksanakan pemberian subsidi ayam dan telur di seluruh negara untuk tempoh empat (4) bulan ini adalah sebanyak RM528.52 juta.

MAFI melalui DVS juga akan mengadakan sesi libat urus berterusan dengan pihak industri untuk memastikan industri ayam dan telur terus kekal mampan dan beroperasi dalam skala penuh bagi memastikan pengeluaran ayam dan telur di ladang mencukupi bagi memenuhi keperluan tempatan.

MAFI berharap langkah intervensi Kerajaan melalui pemberian subsidi kepada penternak dapat menstabilkan kembali bekalan sekaligus memastikan rakyat dapat membeli ayam dan telur dengan harga yang berpatutan.

**DATUK SERI DR RONALD KIANDEE**  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
**9 FEBRUARI 2022**